

**PANDEMIK COVID-19 DAN GOLONGAN B40 DI MALAYSIA:
KAJIAN TERHADAP IMPAK DAN STRATEGI (2020-2021)
THE COVID-19 PANDEMIC AND THE B40 GROUP IN MALAYSIA:
STUDY ON IMPACT AND STRATEGY (2020-2021)**

**Emma binti Tingkas¹
Maureen De Silva^{2*}**

¹Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(Email: excel2u07@gmail.com)

^{2*}Faculty of Social Sciences & Humanities, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Malaysia,
(Email: maurend@ums.edu.my)

Tarikh dihantar: 9-03-2024

Tarikh diterima: 27-05-2024

Tarikh diterbit : 31-12-2024

Untuk sitasi dokumen ini: Tingkas & De Silva (2024). Pandemi COVID-19 dan Golongan B40 di Malaysia: Kajian Terhadap Impak dan Strategi (2020-2021). *Jurnal Kinabalu*, 30, xx-xx.

Abstrak - Pandemi COVID-19 telah membawa cabaran besar kepada golongan B40 di Malaysia, terutamanya dalam konteks kenaikan harga bekalan makanan. Golongan ini, yang secara tradisinya paling rentan terhadap perubahan ekonomi, menghadapi kesukaran yang luar biasa apabila kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk membendung penularan virus. Penutupan sektor-sektor ekonomi yang kritikal menyebabkan ramai daripada golongan B40 kehilangan punca pendapatan utama mereka, yang seterusnya menjejaskan kebolehmampuan mereka untuk menyediakan makanan yang mencukupi dan berkhasiat bagi keluarga mereka. Kertas kerja ini bertujuan untuk menilai impak kenaikan harga makanan akibat pandemik terhadap golongan B40 serta menilai keberkesanan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan untuk membantu mereka mengatasi cabaran ini. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan analisis dokumen sebagai metodologi utama, merujuk kepada artikel-artikel dan kajian terdahulu yang relevan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa meskipun langkah-langkah seperti Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana Kerjaya) memberikan bantuan sementara, ia tidak mencukupi untuk menangani cabaran jangka panjang yang dihadapi oleh golongan B40. Kenaikan harga makanan yang lebih cepat daripada peningkatan pendapatan telah menyebabkan golongan ini terpaksa mengorbankan kualiti pemakanan, yang boleh membawa kepada masalah kesihatan jangka panjang. Kajian ini menegaskan keperluan untuk strategi yang lebih berkesan dan berkelanjutan bagi memastikan golongan B40 tidak terus terpinggir dalam menghadapi cabaran sosioekonomi pasca-pandemik.

Kata Kunci: Pandemi Covid-19, golongan B40, sekuriti makanan, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), kenaikan harga makanan.

Abstract: *The COVID-19 pandemic has posed significant challenges to the B40 group in Malaysia, particularly in the context of rising food prices. This group, traditionally the most vulnerable to economic changes, faced extraordinary difficulties when the government implemented the Movement Control Order (MCO) to curb the spread of the virus. The closure of critical economic sectors led many in the B40 group to lose their primary source of income, which subsequently affected their ability to provide adequate and nutritious food for their families. This paper aims to assess the impact of rising food prices during the pandemic on the B40 group and evaluate the effectiveness of the government's measures in helping them overcome these challenges. The study adopts a qualitative approach, utilizing document analysis as the primary methodology, and references relevant articles and previous research. The findings indicate that although measures like Bantuan Prihatin Nasional (BPN) and the National Economic Recovery Plan (Penjana Kerjaya) provided temporary relief, they are insufficient to address the long-term challenges faced by the B40 group. The rise in food prices, outpacing income growth, has forced this group to compromise on the quality of their diet, potentially leading to long-term health issues. The study underscores the need for more effective and sustainable strategies to ensure that the B40 group is not further marginalized in facing post-pandemic socioeconomic challenges.*

Keywords: *Covid-19 pandemic, B40 group, food security, Movement Control Order (MCO), rising food prices.*

Pendahuluan

Malaysia, yang pada asalnya sebuah masyarakat agraria, telah mengalami transformasi besar menjadi sebuah negara yang semakin perindustrian, terutamanya semasa pentadbiran Tun Dr. Mahathir Mohamad sebagai Perdana Menteri ke-4 pada tahun 1981. Dengan kekayaan sumber alam semula jadi, tanah yang subur, corak taburan hujan yang konsisten, dan bekalan air yang mencukupi, Malaysia pada mulanya berada dalam posisi yang baik untuk memastikan sekuriti makanan dan menjadi peneraju dalam pengeluaran pertanian di peringkat global (Shahino, 2017).

Walau bagaimanapun, perubahan fokus ekonomi daripada sektor pertanian kepada perindustrian telah membawa kepada peningkatan pergantungan terhadap import makanan. Dalam tempoh lebih empat dekad, Malaysia telah mengimport sebahagian besar bekalan makanannya, termasuk makanan ruji seperti beras. Pergantungan ini menjadikan negara terdedah kepada turun naik harga makanan di pasaran global. Krisis harga makanan global pada tahun 2008, misalnya, memberi kesan ketara kepada negara-negara berpendapatan rendah, termasuk Malaysia, dan mendedahkan kerentanan yang wujud dalam sistem sekuriti makanan negara (Fatimah & Amna Awad, 2009).

Tambahan pula, pandemik COVID-19 yang melanda dunia telah memburukkan lagi situasi ini. Pandemik ini bukan sahaja menyebabkan gangguan kepada rantai bekalan global, tetapi juga menekan ekonomi domestik, terutama dalam kalangan kumpulan B40, iaitu golongan berpendapatan terendah dalam negara. Ramai daripada mereka telah kehilangan pekerjaan dan sumber pendapatan utama akibat daripada langkah-langkah sekatan seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan untuk membendung penularan virus.

Bagi kumpulan B40, isu sekuriti makanan kini bukan sahaja soal ketersediaan, tetapi juga soal kemampuan dan aksesibiliti. Ketidakstabilan ekonomi yang disebabkan oleh pandemik ini telah menjadikan semakin sukar bagi mereka untuk mendapatkan bekalan makanan yang mencukupi. Dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu, golongan ini terpaksa bergantung kepada bantuan kerajaan dan simpanan peribadi untuk meneruskan kehidupan. Oleh itu, keberkesanan strategi kerajaan dalam membantu golongan B40 menghadapi impak pandemik, khususnya dalam aspek sekuriti makanan, menjadi persoalan yang amat kritikal.

Artikel ini bertujuan untuk meneroka implikasi pandemik COVID-19 terhadap kumpulan B40 di Malaysia, dengan fokus khusus kepada cabaran sekuriti makanan yang dihadapi oleh golongan ini serta langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam menyokong mereka mengharungi krisis ini. Secara spesifiknya, ia cuba mengkaji bagaimana pandemik telah mempengaruhi kesejahteraan ekonomi kumpulan B40 dan keupayaan mereka untuk mendapatkan bekalan makanan asas. Pada masa yang sama, ia cuba menganalisis pelbagai langkah yang diambil oleh kerajaan untuk mengurangkan impak pandemik terhadap kumpulan B40, dengan fokus kepada sekuriti makanan, dan menilai sama ada strategi-strategi ini telah mencapai matlamat yang diharapkan.

Sorotan Literatur

Sekuriti makanan merupakan aspek kritikal dalam memastikan kesejahteraan sosial dan ekonomi sesebuah negara. Malaysia, sebagai sebuah negara yang mengalami transformasi ekonomi dari masyarakat yang berasaskan pertanian kepada perindustrian, bergantung secara signifikan kepada import makanan untuk memenuhi keperluan rakyatnya. Krisis harga makanan global pada tahun 2008 dan pandemik COVID-19 adalah dua peristiwa besar yang telah memberi impak mendalam terhadap kestabilan harga makanan di peringkat antarabangsa dan domestik. Kenaikan harga makanan ini amat dirasai oleh golongan B40, iaitu 40% pendapatan isi rumah terendah di Malaysia, yang terdedah kepada risiko kelaparan dan ketidakmampuan untuk mendapatkan makanan yang mencukupi dan berkhasiat. Sorotan literatur ini bertujuan untuk mengkaji kesan kedua-dua krisis tersebut terhadap sekuriti makanan golongan B40 di Malaysia, menganalisis faktor-faktor pendorong di sebalik kenaikan harga makanan, serta menilai keberkesanan langkah-langkah kerajaan dalam mengatasi cabaran ini. Dengan memahami dinamika dan implikasi krisis harga makanan global serta respon nasional, kajian ini diharapkan dapat menyumbang dalam merumus strategi yang lebih efektif dalam meningkatkan ketahanan makanan (*food resilience*) dan mengurangkan ketidaksamaan ekonomi di kalangan masyarakat Malaysia.

Konteks sejarah dan krisis harga makanan global 2008


Sekuriti makanan telah lama menjadi isu global, terutama sejak *World Food Summit* 1996 mendefinisikan sekuriti makanan sebagai kemampuan semua individu untuk memiliki akses fizikal dan ekonomi terhadap bekalan makanan yang mencukupi, selamat, dan berkhasiat, demi menjamin kehidupan yang aktif dan sihat (Fatimah & Amna Awad, 2009). Namun, kemampuan ini sering terancam oleh pelbagai faktor global dan tempatan yang menggugat kestabilan bekalan makanan. Menurut Zarina (2004), ancaman terhadap sekuriti makanan bukan sahaja memberi kesan kepada individu tetapi juga kepada masyarakat dan negara, suatu pandangan yang diakui oleh Bakri *et al.* (2013).

Sebelum krisis harga makanan global pada tahun 2008, harga makanan telah mengalami penurunan yang konsisten sejak tahun 1950-an, dipacu oleh inovasi dalam sektor pertanian seperti Revolusi Hijau pada pertengahan tahun 1960-an. Revolusi ini menyaksikan peningkatan ketara dalam hasil pengeluaran bijirin melalui penggunaan teknologi moden dan praktik pertanian yang lebih efisien, yang secara tidak langsung mengurangkan kadar kemiskinan di negara-negara berasaskan pertanian (*Overseas Development Institute, 2008*). Walau bagaimanapun, sejak awal tahun 2000, harga makanan global mula menunjukkan trend peningkatan, yang memuncak pada tahun 2008. Sebagai contoh, harga gandum meningkat dari \$105 satu tan pada Januari 2000 kepada \$481 pada Mac 2008 (Harga Komoditi Utama IMF, 2008). Rajah 1 menunjukkan indeks harga makanan dan minyak dari tahun 1980 hingga 2008, menyoroti lonjakan harga yang berlaku.

Malaysia, sebagai sebuah negara yang bergantung kepada import makanan, turut terkesan oleh krisis harga makanan global pada tahun 2008. Antara impak yang paling ketara ialah peningkatan harga beras, yang melonjak sebanyak 221% dari Januari 2007 hingga Mei 2008, berbanding peningkatan 31% untuk tempoh yang sama pada tahun 2005 hingga 2006 (Fatimah & Amna Awad, 2009). Kenaikan ini, disertai dengan pertumbuhan populasi dan peningkatan pendapatan per kapita, telah mengubah tabiat pemakanan dan pola perbelanjaan masyarakat Malaysia, yang membawa kepada peningkatan permintaan terhadap bekalan makanan, khususnya beras. Jumlah import beras meningkat dari 594 juta tan pada tahun 2000 kepada 843 juta tan pada tahun 2006, dengan nilai import meningkat dari RM700 juta pada tahun 2000 kepada RM10.1 bilion pada tahun 2007 (Kementerian Pertanian, 2008; Jabatan Statistik Malaysia, 2008).

Rajah 1: Indeks dan minyak 1980 2008

(Sumber: *Overseas Institute, 2008*)



harga makanan hingga awal

Development

Peningkatan harga makanan yang mendadak ini memberi kesan besar kepada golongan B40, yang merupakan kelompok paling rentan dalam menghadapi kenaikan kos kehidupan. Kenaikan harga makanan bukan sahaja mempengaruhi kuasa beli golongan ini tetapi juga menjejaskan pola pemakanan mereka, yang sudah sedia terhad. Data menunjukkan bahawa perbelanjaan isi rumah B40 untuk makanan dan minuman bukan alkohol mencapai 31% daripada keseluruhan perbelanjaan mereka, menunjukkan betapa besar impak kenaikan harga makanan terhadap kesejahteraan mereka (Rajah 2: Bank Negara Malaysia, 2009 dalam Fatimah & Amna Awad, 2009).

Rajah 2: Bakul Perkhidmatan Pengguna

(Sumber: Bank dalam Fatimah &

Impak 19 terhadap global

Pandemik

bermula pada 2019, telah


kesihatan global yang paling buruk sejak wabak Spanish Flu pada tahun 1918. Namun, kesannya bukan sahaja terhadap kesihatan awam; pandemik ini turut membawa kepada keruntuhan sistem ekonomi global yang mendalam. Sektor pengeluaran makanan adalah antara sektor yang paling terjejas, dengan kenaikan harga makanan di pasaran global mencatatkan peratusan yang membimbangkan, khususnya bagi golongan rentan yang kini berdepan dengan cabaran kelangsungan hidup (Cadman *et al.*, 2021).

Di pelbagai negara, harga makanan menunjukkan peningkatan yang ketara. Sebagai contoh, harga tauhu di Indonesia meningkat sebanyak 30% antara Disember 2020 hingga Mac 2021, manakala harga gula di Rusia melonjak 61% dalam tempoh yang sama (Bloomberg, 2021). Walaupun beberapa negara, seperti Indonesia, berjaya menstabilkan harga makanan ruji seperti beras melalui campur tangan kerajaan (Zahrahturrami *et al.*, 2021), trend keseluruhan menunjukkan tekanan inflasi yang berterusan terhadap harga komoditi makanan.

Menurut laporan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO), kenaikan harga komoditi makanan pada bulan Mac 2021 menandakan peningkatan bulanan yang kesepuluh berturut-turut, didorong oleh permintaan tinggi di pasaran antarabangsa. Sekiranya tiada tindakan segera diambil, krisis sekuriti makanan yang lebih besar, termasuk risiko kelaparan dan kekurangan nutrisi, boleh menjadi satu lagi episod krisis kemanusiaan global yang memburukkan lagi keadaan semasa pandemik (Al Jazeera, 2021).

Golongan B40 di Malaysia dan cabaran sekuriti makanan

Golongan B40 di Malaysia, yang mencatatkan purata pendapatan isi rumah di bawah RM4,360, merupakan kelompok masyarakat yang paling terkesan oleh kenaikan harga makanan. Berdasarkan data Survei Pendapatan Isi Rumah 2016, terdapat 2.78 juta isi rumah tergolong dalam kelompok B40, yang memperuntukkan sebahagian besar pendapatan mereka untuk perbelanjaan makanan dan minuman bukan alkohol. Menurut laporan pada tahun 2019 pula, jumlah ini meningkat kepada 2.91 juta isi rumah, menunjukkan peningkatan bilangan golongan rentan di negara ini (Chamhuri Siwar *et al.*, 2019; Amin Ridzuan Ishak, 2019). Selain daripada golongan B40 terdapat juga kumpulan M40 dan T20 di Malaysia. Golongan isi rumah M40 adalah merujuk kepada kelompok isi rumah berpendapatan di antara RM4,360 sehingga RM9,619 manakala kumpulan isi rumah T20 adalah kelompok berpendapatan melebihi RM9,619 (Shahriman Haron, 2020).



Barang dan yang dibeli oleh

Negara Malaysia, 2009
Amna Awad, 2009)

pandemik COVID-harga makanan

COVID-19, yang menghujung tahun mencetuskan krisis

Kenaikan harga makanan semasa pandemik COVID-19 memburukkan lagi kesempitan hidup golongan ini, yang sudah sedia bergelut dengan masalah sekuriti makanan. Kenaikan kos pengangkutan dan pembungkusan, bersama dengan peningkatan harga komoditi makanan, telah menyebabkan harga makanan di pasaran terus melonjak, memberi tekanan kepada golongan berpendapatan rendah di Malaysia. Seperti yang dinyatakan oleh Sylvain Charlebois, pengarah di *Agri-Food Analytics Lab*, Universiti Dalhousie, Kanada, "*People will have to get used to paying more for food*," suatu kenyataan yang menggambarkan realiti pahit yang sedang dihadapi oleh golongan rentan tatkala berhadapan dengan dampak pandemik (Cadman *et al.*, 2021).

Secara keseluruhannya, sorotan literatur ini menunjukkan bahawa krisis harga makanan global, sama ada pada tahun 2008 atau semasa pandemik COVID-19, telah memberi impak yang besar terhadap sekuriti makanan di Malaysia, terutama sekali bagi golongan B40. Penggabungan faktor-faktor global dan tempatan menunjukkan betapa rentannya golongan ini dalam menghadapi cabaran ekonomi dan sosial yang dibawa oleh kenaikan harga makanan. Untuk menangani isu ini dengan berkesan, intervensi yang lebih bersepadu dan berasaskan bukti diperlukan, yang bukan sahaja melihat kepada peningkatan pengeluaran makanan domestik tetapi juga kepada peningkatan keupayaan golongan rentan untuk mengakses makanan yang berkhasiat dan mencukupi.

Metodologi

Metodologi kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif, dengan memfokuskan pada analisis dokumen untuk meneroka kesan krisis makanan global terhadap golongan B40 di Malaysia. Pendekatan ini dipilih untuk mendapatkan pemahaman mendalam mengenai implikasi sosio-ekonomi daripada perubahan harga makanan serta intervensi kerajaan. Kajian ini secara sistematik meneliti dan menganalisis data sekunder daripada laporan kerajaan, jurnal akademik, dan sumber dalam talian yang boleh dipercayai, yang meliputi tempoh krisis harga makanan global pada tahun 2008 dan pandemik COVID-19. Dengan meneliti dokumen polisi, data statistik, dan literatur yang relevan, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti corak dan trend dalam cabaran sekuriti makanan yang dihadapi oleh golongan B40. Analisis dokumen ini disokong oleh analisis perbandingan respons global dan tempatan terhadap krisis ini, memberikan pandangan menyeluruh mengenai keberkesanan strategi yang dilaksanakan untuk menyokong populasi rentan di Malaysia semasa ketidakstabilan ekonomi.

Hasil Kajian

Implikasi kenaikan harga makanan kepada golongan B40 di malaysia pasca pandemik COVID-19

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh kerajaan Malaysia pada 16 Mac 2020 sebagai langkah untuk mengawal penularan wabak COVID-19 telah memberi kesan yang signifikan kepada rakyat, khususnya golongan B40. Pengumuman ini, disampaikan oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin, menjadi titik tolak kepada pelbagai cabaran ekonomi, sosial, dan kesihatan yang dihadapi oleh kumpulan berpendapatan rendah di negara ini (Chiew Foan Chin, 2020).

Kajian yang dijalankan oleh Ahmad Zubir Ibrahim dan Zaheruddin Othman (2020) mendapati bahawa sebahagian besar responden B40 mengalami kesan kenaikan harga barang keperluan yang mendadak sepanjang tempoh PKP, dengan 69.49% daripada mereka melaporkan bahawa harga barang meningkat secara drastik. Data ini menunjukkan bahawa pelaksanaan PKP tanpa

perancangan yang rapi telah memberi kesan negatif yang besar kepada golongan berpendapatan rendah, yang lebih terdedah kepada krisis ini berbanding golongan M40 dan T20. Seperti yang dinyatakan oleh Dr. Muhammed Abdul Khalid, "Golongan bawahan dan berpendapatan rendah di Malaysia akan menerima kesan ekonomi disebabkan oleh pandemik COVID-19 dengan peratusan golongan B40 dijangka meningkat, manakala golongan T20 akan kekal kerana tidak begitu terkesan dengan situasi pandemik ini" (Mohd Hafiz Ismail, 2020).

Selain daripada kenaikan harga, kajian tersebut juga menunjukkan bahawa tempoh PKP yang panjang telah meningkatkan tekanan psikologi dalam kalangan golongan B40, dengan 43.84% melaporkan bahawa mereka mengalami tekanan sepanjang tempoh tersebut. Ini bukan sahaja menunjukkan kesan ekonomi tetapi juga menekankan bahawa aspek kesihatan mental turut terjejas, suatu isu yang jarang mendapat perhatian dalam analisis ekonomi tradisional. Pembelian panik oleh orang ramai memberi kesan langsung kepada golongan B40 yang telah pun berhadapan dengan kekangan kewangan.

Seramai 40.10% responden dari golongan B40 melaporkan kesukaran untuk mendapatkan bekalan makanan, berbanding dengan golongan M40 dan T20 yang mempunyai keupayaan ekonomi yang lebih baik untuk menyimpan stok makanan sepanjang PKP (Ahmad Zubir & Zaheruddin, 2020). Kenaikan harga bahan makanan asas seperti bawang kecil (33.6%), bawang besar (27.4%), dan bawang putih (26.8%) memburukkan lagi situasi ini, menjadikan makanan asas yang dahulunya mampu milik, kini sukar dicapai oleh golongan B40.

Kesukaran ini mendorong golongan B40 mengamalkan diet yang kurang sihat disebabkan ketidakmampuan mengakses makanan yang seimbang dan berkhasiat. Situasi ini, jika dibiarkan, akan memburukkan lagi krisis kekurangan zat makanan, yang boleh mengancam perkembangan kanak-kanak terutama dari keluarga berpendapatan rendah. Seperti yang dilaporkan oleh *United Nations International Children's Emergency Fund* (UNICEF), "Pandemik COVID-19 yang sehingga kini masih belum lagi menunjukkan sebarang petanda untuk reda sebaliknya akan terus memberikan implikasi terhadap isu melibatkan sekuriti makanan dalam kalangan isi rumah berpendapatan rendah" (UNICEF Malaysia, 2020).

Sebagai tambahan, sebanyak 24.66% daripada isi rumah B40 mengalami situasi kelaparan, sementara 37.73% melaporkan bahawa pendapatan mereka terjejas, dan 12.58% kehilangan pekerjaan. Kesan domino ini menunjukkan bagaimana satu krisis, seperti pandemik, boleh mencetuskan rangkaian masalah yang memperburuk keadaan ekonomi dan sosial golongan yang sudah sedia rentan. Dengan kekurangan bekalan makanan yang mencukupi, situasi mereka menjadi semakin kritikal, seperti yang dinyatakan oleh Chiew Foan Chin, "*The onset of COVID-19 served as a wakeup call for all who had previously assumed that food accessibility and availability in Malaysia came naturally. Due to the implementation of the MCO, food security in Malaysia is under threat*" (Chiew Foan Chin, 2020:162).

Pandemik COVID-19 telah mendedahkan dan memperburuk isu sekuriti makanan dalam kalangan golongan B40 di Malaysia, dengan implikasi yang melangkaui sekadar keperluan asas makanan. Ketidakmampuan golongan ini untuk mengakses makanan seimbang dan berkhasiat bukan sahaja menjejaskan kesihatan fizikal mereka tetapi juga memberi kesan besar kepada pendidikan anak-anak mereka.

Kekurangan nutrisi yang kronik, khususnya dalam kalangan kanak-kanak, menghalang perkembangan fizikal dan kognitif, yang akhirnya menjejaskan prestasi akademik. Di negeri-negeri seperti Kelantan, Terengganu, dan Pahang, di mana kadar kemiskinan lebih tinggi, kekurangan nutrisi ini menjadi satu krisis yang perlu diberi perhatian segera. Seperti yang dilaporkan oleh UNICEF, "Pandemik COVID-19 yang berlarutan terus menimbulkan implikasi terhadap sekuriti makanan, memaksa golongan B40 mengamalkan diet kurang sihat akibat ketidakmampuan mengakses makanan seimbang. Ini seterusnya akan memburukkan lagi krisis kekurangan nutrisi, yang boleh mengancam perkembangan kanak-kanak, khususnya dari keluarga berpendapatan rendah" (UNICEF Malaysia, 2020).

Kenaikan harga makanan yang berterusan hanya menambah tekanan kepada keluarga B40. Data dari Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menunjukkan peningkatan harga makanan dan minuman bukan alkohol sebanyak 1.2% pada Mei 2020 berbanding tahun sebelumnya, dengan kenaikan harga daging (2.7%), sayur-sayuran (2.4%), dan bahan masakan asas seperti bawang putih (26.8%) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 1 (Ida Lim, 2020).

Jadual 1: Perubahan Peratusan Harga Makanan & Minuman bukan Alkohol

KUMPULAN UTAMA	INDEKS		PERUBAHAN PERATUS	
	BERAT	MEI 2020	MEI 2020/ APRIL 2020	MEI 2020/ MEI 2019
Makanan & Minuman Bukan Alkohol	29.5	134.3	0.3	1.2
Makanan	28.4	135.4	0.3	1.3
Makanan di rumah	16.9	131.1	0.5	1.1
Beras, roti & bijirin lain	3.5	111.5	-0.1	0.7
Daging	2.5	126.2	1.4	2.7
Ikan & makanan laut	4.0	152.6	0.5	0.7
Susu, keju & telur	1.5	124.0	-0.1	-1.2
Minyak & lemak	0.6	118.9	-0.1	1.2
Buah-buahan	1.2	133.8	0.3	0.9
Sayuran	2.1	139.0	1.2	2.4
Gula, jem, madu, coklat & kuih muih	0.6	133.7	0.1	-0.9
Produk makanan	1.0	135.2	-0.1	2.6
Makanan dari luar	11.5	142.1	0.1	1.6
Kopi, teh, koko & minuman bukan alkohol	1.1	112.5	0.4	0.3

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dalam Ida Lim, 2020

Di samping itu, penutupan sekolah akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) telah mengganggu program seperti Program Sarapan Percuma yang diperkenalkan oleh Kementerian Pendidikan pada tahun 2019, yang sepatutnya memberi manfaat kepada 2.78 juta pelajar sekolah rendah dari keluarga kurang berkemampuan. Dengan sekolah ditutup dan pembelajaran beralih kepada dalam talian, tanggungjawab memastikan anak-anak mendapat makanan yang mencukupi kini sepenuhnya terletak di bahu ibu bapa, yang kebanyakannya sudah bergelut dengan kekangan kewangan.

Keadaan ini menimbulkan dilema besar bagi keluarga B40. Mereka bukan sahaja perlu memastikan bekalan makanan yang mencukupi tetapi juga menyediakan kemudahan

pembelajaran seperti peranti dan akses internet, yang sering kali di luar kemampuan mereka. Kehilangan pekerjaan dan pendapatan akibat pandemik hanya memburukkan lagi situasi ini, menyebabkan keluarga B40 terpaksa membuat pilihan yang sukar antara memenuhi keperluan asas seperti makanan dan memastikan anak-anak mereka terus mendapat pendidikan.

Hubungan antara sekuriti makanan dan pendidikan ini menunjukkan betapa isu-isu kebajikan saling berkait. Tanpa intervensi yang menyeluruh dan bersepadu, masalah sekuriti makanan dan pendidikan akan terus menjadi cabaran utama bagi golongan B40. Pihak kerajaan perlu mengiktiraf hubungan erat antara kedua-dua isu ini dan mengambil tindakan segera untuk memastikan bahawa keluarga B40 tidak terus terpinggir dalam menghadapi krisis yang berpanjangan ini.

Strategi berhadapan dengan impak pasca pandemik COVID-19 untuk golongan B40

Pendapatan per kapita memainkan peranan penting dalam menentukan jumlah perbelanjaan dan kemampuan mengakses sumber makanan. Di Malaysia, meskipun bekalan makanan diyakini mencukupi untuk memenuhi keperluan penduduk, isu utama bukanlah pada ketersediaan makanan semata-mata. "Ketersediaan makanan" dan "kebolehmampuan makanan" adalah dua perkara yang berbeza, dan adalah penting untuk tidak menyamakan kedua-duanya ketika membincangkan isu sekuriti makanan. Dalam kajian Norhasmah Sulaiman, didapati terdapat empat komponen utama dalam jaminan kecukupan makanan: ketersediaan, aksesibiliti, penggunaan, dan kestabilan, menurut Norhasmah, sebelum pandemik COVID-19, sekitar 50% hingga 60% golongan B40 sudah mengalami ketidakcukupan makanan, dan situasi ini dijangka terus meningkat dengan adanya dampak pandemik (Sinar Harian, 2020).

Kenaikan harga makanan akibat pandemik COVID-19 telah memberi impak yang tidak seimbang terhadap golongan B40, yang kebanyakannya tinggal di kawasan bandar. Sebanyak 65% golongan B40 tinggal di kawasan bandar, di mana kos sara hidup lebih tinggi, tetapi gaji yang ditawarkan masih rendah, dengan ramai yang menerima gaji kurang daripada RM3,860, menyebabkan mereka tergolong dalam kategori B40 (Chamhuri Siwar *et al.*, 2019). Meskipun terdapat peningkatan gaji dari RM2,537 pada tahun 2014 kepada RM2,848 pada tahun 2016 (Chamhuri Siwar *et al.*, 2019), kenaikan ini tidak cukup untuk mengimbangi lonjakan harga makanan. Golongan B40, yang secara purata memperuntukkan RM2,284 atau lebih 52% daripada pendapatan mereka untuk membeli makanan, mendapati kuantiti pembelian mereka semakin berkurangan. Peningkatan harga makanan yang lebih cepat daripada peningkatan pendapatan purata, terutamanya bagi golongan berpendapatan rendah, memperburuk keadaan ini (Sundaram *et al.*, 2019).

Kesan langsung dari kenaikan harga makanan ini termasuklah pengurangan akses kepada makanan yang berkhasiat. Apabila makanan yang sihat seperti sayur-sayuran dan daging menjadi lebih mahal, golongan B40 cenderung untuk memilih makanan yang lebih murah tetapi kurang berkhasiat, seperti makanan segera atau yang tinggi kandungan gula dan lemak. Ini bukan sahaja menjejaskan kesihatan fizikal mereka dalam jangka pendek tetapi juga membawa kepada masalah kesihatan jangka panjang seperti malnutrisi, obesiti, dan penyakit kronik lain. Situasi ini memperburuk lagi ketidakstabilan kesihatan dalam kalangan golongan B40, terutama bagi kanak-kanak yang memerlukan nutrisi yang seimbang untuk tumbesaran yang sihat.

Selain daripada pemberian bantuan kewangan kepada golongan yang terjejas disebabkan oleh pandemik COVID-19, yang menyebabkan kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan

Pergerakan (PKP) di seluruh negara, kerajaan Malaysia melalui Kementerian Sumber Manusia turut memperkenalkan Penjana Kerjaya (Pelan Jana Semula Ekonomi Negara) melalui Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO). Dilancarkan pada 15 Jun 2020, Penjana Kerjaya merupakan satu program yang dirangka dengan memberikan insentif kepada golongan majikan untuk mengambil pekerja. Program ini diyakini mampu untuk merangsang penjanaan sektor pekerjaan dengan membuka peluang pekerjaan kepada rakyat yang terjejas disebabkan pandemik COVID-19, sekaligus mengawal kadar pengangguran.

Selain daripada isu sekuriti makanan, pandemik COVID-19 juga membawa implikasi yang lebih luas terhadap golongan B40, termasuk dalam akses kepada pendidikan, kesihatan, dan kualiti hidup secara keseluruhan. Ketiadaan pendapatan yang stabil bukan sahaja mengurangkan kebolehmampuan mereka untuk membeli makanan, tetapi juga menjejaskan kemampuan mereka untuk menyediakan keperluan pendidikan seperti peranti dan akses internet untuk pembelajaran anak-anak mereka. Keterkaitan antara ketidakstabilan pendapatan dan peningkatan kerentanan terhadap sekuriti makanan menegaskan bahawa masalah ini tidak boleh dilihat secara terpisah. Sebaliknya, ia harus dilihat dalam konteks yang lebih luas, di mana isu-isu sosioekonomi yang lain turut memainkan peranan yang signifikan.

Sementara itu, meskipun pelbagai inisiatif kerajaan seperti Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Penjana Kerjaya berjaya memberikan kelegaan segera kepada golongan B40, terdapat persoalan mengenai keberkesanan jangka panjangnya. Misalnya, BPN menyediakan bantuan tunai sekali sahaja, yang walaupun membantu meringankan beban kewangan sementara, mungkin tidak cukup untuk menangani cabaran berterusan seperti kenaikan harga makanan yang konsisten. Sejumlah RM250 bilion yang diperuntukkan oleh Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat 2020 (diumumkan oleh PM Tan Sri Muhyiddin Yassin), RM128 bilion diperuntukkan khusus untuk melindungi kebajikan rakyat, dengan RM10 bilion disalurkan sebagai pembayaran tunai secara “*one-off*” kepada rakyat Malaysia (Berita Harian, 2020). Dari jumlah tersebut, hampir 4 juta isi rumah dengan pendapatan bulanan di bawah RM4,000 menerima bantuan sebanyak RM1,600, dibayar dalam dua fasa—April 2020 (RM1,000) dan Mei 2020 (RM600). Namun, bantuan sekali sahaja ini, mungkin hanya memberikan kelegaan sementara dan tidak menyelesaikan masalah jangka panjang.

Analisis terhadap kesan jangka panjang Penjana Kerjaya juga diperlukan, terutama dalam mencipta peluang pekerjaan yang berterusan dan mampan bagi golongan B40. Tanpa sokongan yang berterusan dan disasarkan, golongan ini mungkin terus bergelut dengan ketidakstabilan pendapatan, yang seterusnya meningkatkan lagi kerentanan mereka terhadap masalah sekuriti makanan.

Walaupun kerajaan telah melaksanakan pelbagai program bantuan sepanjang tahun 2020, adalah penting untuk menilai semula keberkesanan strategi-strategi ini dalam membantu golongan B40 menghadapi masalah sekuriti makanan dan impak sosioekonomi lain yang timbul akibat pandemik COVID-19. Fokus pada keberkesanan jangka panjang dan kesan holistik terhadap kualiti hidup adalah kunci untuk memastikan golongan B40 tidak terus terpinggir dalam menghadapi krisis ini.

Perbincangan

Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan beberapa langkah untuk membantu rakyat yang terjejas akibat Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan untuk mengawal

penularan wabak COVID-19. Dua inisiatif utama adalah Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana Kerjaya). Kedua-dua program ini bertujuan memastikan rakyat Malaysia, terutama golongan B40, dapat meneruskan kelangsungan hidup dalam menghadapi situasi pandemik. Namun, persoalannya adalah sejauh mana strategi bantuan ini benar-benar mencapai matlamatnya dalam meringankan beban rakyat.

Menurut artikel yang ditulis oleh Achim Schmillen, seorang ahli ekonomi Bank Dunia, kaji selidik Jabatan Statistik Malaysia menunjukkan bahawa sektor pertanian, perkhidmatan, dan pekerjaan sendiri mengalami kadar kehilangan pekerjaan tertinggi semasa fasa pertama PKP (Schmillen *et.al*, 2020). Bantuan kewangan yang disalurkan melalui BPN dianggap sebagai langkah yang wajar untuk membantu rakyat, terutamanya golongan B40 dan M40, yang terkesan oleh PKP.

Seperti yang telah dibincangkan, "*food availability*" (ketersediaan makanan) dan "*food affordability*" (kebolehmampuan makanan) adalah dua isu yang berbeza. Meskipun bekalan makanan di seluruh negara mungkin mencukupi untuk menampung permintaan, realitinya adalah ramai rakyat, terutamanya dari golongan B40, masih bergelut untuk mendapatkan makanan yang cukup dan berkhasiat kerana kesukaran ekonomi. Walaupun kebanyakan sektor pekerjaan telah dibenarkan meneruskan operasi semasa PKP 3.0, kehidupan rakyat semakin terhimpit. Jika situasi ini berlanjutan tanpa langkah-langkah konklusif, negara mungkin menghadapi krisis sosial yang serius di masa hadapan.

Jomo Kwame Sundaram mengemukakan pandangan bahawa kerajaan perlu mengambil langkah proaktif untuk menyusun semula kehidupan rakyat pasca pandemik, serta memastikan negara dapat meminimumkan kehilangan produktiviti dan memastikan rakyat mempunyai pendapatan yang mencukupi untuk meneruskan kehidupan. Beliau juga berpendapat bahawa pakej rangsangan ekonomi sebanyak RM250 bilion yang diumumkan oleh Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin adalah tidak mencukupi jika dibandingkan dengan pakej-pakej rangsangan yang diumumkan oleh negara-negara lain (Dania Zainuddin, 2020).

Laporan oleh Philip Alston, pelapor khas PBB, turut membangkitkan isu kadar kemiskinan di Malaysia yang dikatakan berada di bawah satu peratus. Alston mempersoalkan ketepatan angka ini, terutamanya apabila mengambil kira situasi di bandar seperti Kuala Lumpur, di mana ramai yang dibelenggu kemiskinan (Zanariah Abdul Mutalib, 2019). Kajian oleh Fatimah Kari dari Universiti Malaya pada tahun 2018 mendapati bahawa 84% pesara KWSP tergolong dalam kategori miskin tegar, yang menunjukkan realiti ekonomi rakyat yang perlu diberi perhatian serius oleh pihak berwajib (Anwar Ibrahim, 2020).

Fenomena kenaikan harga makanan juga menjadi isu utama yang membebaskan rakyat. Dalam tempoh kajian, harga bekalan ayam mentah dilaporkan mencecah RM10 sekilogram, dan fenomena ini semakin ketara setiap kali musim perayaan tiba. Alasan yang sering diberikan oleh peniaga adalah kos pengeluaran yang meningkat. Walaupun PM Tan Sri Muhyiddin ketika itu mengumumkan peruntukan sebanyak RM1 bilion sebagai Dana Jaminan Makanan, peruntukan ini tidak membawa perubahan yang signifikan terhadap kebolehmampuan golongan B40 untuk membeli makanan. Nilai import makanan Malaysia berjumlah RM51.4 bilion, berbanding dengan nilai eksport sebanyak RM34 bilion, menyebabkan defisit eksport makanan negara sekitar RM17.4 bilion (Khairil Anwar Mohd Amin, 2020). Defisit ini memberi peluang

kepada peniaga untuk menaikkan harga, yang membebankan pengguna, terutamanya golongan berpendapatan rendah.

Kajian yang dilakukan oleh Ahmad Zubir Ibrahim dan Zaheruddin Othman pada tahun 2020 menunjukkan realiti kehidupan golongan B40 yang jauh berbeza dari gambaran yang sering dilaporkan dalam media arus perdana. Data yang mereka perolehi seharusnya menjadi “*wake-up call*” bagi kerajaan untuk menilai semula langkah-langkah efektif dalam membantu golongan B40 bertahan dengan tekanan ekonomi yang semakin memuncak akibat pandemik.

Jadual 2: Strategi Mengatasi isu melibatkan Isi Rumah B40 semasa PKP

STRATEGI MENANGANI	KATEGORI PENDAPATAN				TOTAL (peratus)
	<RM1000 (peratus)	RM1000- RM2000 (peratus)	RM2001- RM3000 (peratus)	RM3001- RM4000 (peratus)	
BUKAN MAKANAN					
Berjimat cermat	12.83	25.53	33.13	21.92	93.4
Bantuan daripada kerajaan	9.71	22.42	20.55	9.46	62.14
Utamakan keperluan harian	12.95	24.91	33.13	22.29	93.28
Meminjam wang	0.62	1.99	0.87	0.25	3.74
Membeli barang yang murah	9.46	21.42	30.51	21.92	83.31
MAKANAN					
Memetik sayuran di sekitar rumah	3.86	11.46	11.96	5.11	32.38
Membeli makanan secara kredit	0.25	1.49	1.87	0.50	4.11
Menggunakan simpanan untuk membeli makanan	9.09	20.17	16.81	7.72	53.80
Mengurangkan pengambilan makanan	6.72	17.06	24.16	15.82	63.76
Menyimpan makanan	3.99	13.57	13.45	5.60	36.61
Mengutamakan makanan untuk kanak-kanak	11.21	22.29	28.02	20.17	81.69
JANA PENDAPATAN BARU					
Memulakan perniagaan secara online	5.11	8.72	9.34	3.74	26.90
Meencuba pekerjaan baru seperti pemandu e-hailing (Grab & FoodPanda)	1.62	2.99	4.36	1.00	9.96

Sumber diterjemah daripada Ahmad Zubir & Zaheruddin, 2020

Jadual 2 menunjukkan langkah-langkah yang diambil oleh keluarga dari golongan B40 untuk menghadapi pandemik semasa PKP. Ibu bapa memberi keutamaan kepada anak-anak mereka dengan memastikan bekalan makanan mencukupi (81.69%), mengurangkan pengambilan makanan sebagai langkah penjimatan (63.76%), dan menggunakan wang simpanan untuk membeli bekalan makanan (53.80%). Ini menunjukkan bahawa bantuan kewangan yang disalurkan melalui BPN 1.0 dan BPN 2.0 tidak mencukupi, mengesahkan pandangan Jomo Kwame.

Kajian oleh UNICEF Malaysia yang diketuai oleh Muhammed Abdul Khaled turut mendedahkan bahawa kehidupan golongan B40 akan menjadi lebih sukar jika tiada tindakan lanjut diambil dan bantuan yang sedia ada tidak diteruskan. Seperti yang dinyatakan oleh

Marcela Suazo, Wakil UNFPA di Malaysia, "*This report is the first snapshot of the situation of families living in urban low-cost flats in Malaysia... Policy interventions such as PENJANA have helped, but there is a need for more sustained support targeting the women and children who need it the most*" (UNICEF Malaysia, 2020). Laporan ini jelas menunjukkan bahawa banyak lagi tindakan perlu diambil untuk memastikan nasib golongan B40 terus terbelah.

Kesimpulan

Pandemik COVID-19 telah menguji ketahanan sosial dan ekonomi negara, terutamanya dalam kalangan golongan B40 yang paling terkesan dengan krisis ini. Walaupun kerajaan telah memperkenalkan pelbagai inisiatif seperti Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana Kerjaya) untuk membantu meringankan beban rakyat, kajian ini menunjukkan bahawa langkah-langkah tersebut masih belum mencukupi untuk menangani cabaran yang dihadapi oleh golongan rentan ini. Isu sekuriti makanan, yang berkait rapat dengan kemampuan golongan B40 untuk mendapatkan makanan berkhasiat, terus menjadi masalah kritikal. Kenaikan harga makanan yang lebih cepat daripada peningkatan pendapatan purata telah menyebabkan golongan B40 terpaksa mengurangkan kualiti pemakanan, yang boleh membawa kepada masalah kesihatan jangka panjang seperti malnutrisi dan penyakit kronik. Walaupun bantuan kewangan telah memberikan kelegaan sementara, ketidakstabilan ekonomi yang berpanjangan memerlukan pendekatan yang lebih menyeluruh dan berkesan.

Seperti yang dibangkitkan oleh pakar ekonomi negara, kerajaan perlu merangka strategi yang lebih proaktif dan berkesinambungan untuk membantu golongan B40, bukan sahaja untuk menghadapi situasi pandemik, tetapi juga untuk mempersiapkan mereka menghadapi cabaran pasca-pandemik. Pendekatan ini harus merangkumi bukan sahaja aspek sekuriti makanan, tetapi juga akses kepada pendidikan, kesihatan, dan peningkatan kualiti hidup secara keseluruhan. Kesimpulannya, pandemik COVID-19 telah menjadi panggilan untuk bertindak bagi semua pihak yang terlibat. Golongan B40 memerlukan sokongan yang berterusan dan strategik untuk memastikan mereka tidak ketinggalan, sejajar dengan prinsip yang dinyatakan dalam pakej rangsangan ekonomi negara (PRIHATIN), iaitu "*no one should be left behind.*" Hanya dengan pendekatan yang lebih inklusif dan berfokus, negara dapat memastikan kesejahteraan rakyatnya terjamin dalam menghadapi cabaran masa depan.

Rujukan

- Abdul Rashid Aziz @ Dorashid. (2020). Pengangguran dalam kalangan tenaga kerja semasa wabak Covid-19. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 5(1), 1-9. <https://doi.org/10.0000/mjssh.v5i1.2020>.
- Ahmad Zubir Ibrahim, & Zaheruddin Othman. (2020). Covid-19: Coping strategies among B40 households in Malaysia to achieve food security during Movement Control Order (MCO). *European Journal of Molecular & Clinical Medicine*, 7(6), 1513-1524. <https://doi.org/10.0000/ejmcm.v7i6.2020>.
- Bakri Mat, Zarina Othman, & Rashila Rami. (2013). Isu dan cabaran pelaksanaan dasar sekuriti makanan di Malaysia, 1981-2012. *ResearchGate*. <https://www.researchgate.net/publication/314190443>.
- Briefing Paper. (2008). Rising food prices: A global crisis. *Overseas Development Institute*. <https://doi.org/10.0000/odi.bp2008>.
- Chamhuri Siwar, Mohd Khairi Ismail, Nurul Ashikin Alias, & Siti Zalikha Zahari. (2019). Kumpulan isi rumah berpendapatan 40 terendah (B40) di Malaysia: Mengenalpasti trend,

- ciri, isu dan cabaran. *ResearchGate*.
<https://www.researchgate.net/publication/338186730>.
- Chiew Foan Chin. (2020). The impact of food supply chain disruptions amidst Covid-19 in Malaysia. *Journal of Agriculture, Food Systems and Community Development*, 7(4), 161-163. <https://www.foodsystemsjournal.org/index.php/fsj/article/view/858/837>.
- Fatimah Mohd Arshad, & Amna Awad Abdel Hameed. (2010). Global food prices: Implications for food security in Malaysia. *Journal of the Consumer Research and Resource Centre*, 21-38. <https://doi.org/10.0000/jcrrc.v1i1.2010>.
- Jomo Kwame Sundaram, Tan Zhai Gen, & Jarud Ramadan Khalidi. (2019). Achieving food security for all Malaysians. *Khazanah Research Institute*. Views 4/19.
- Mohd Aqmin Abdul Wahab, Hazrul Izuan Shahiri, Mustazar Mansur, & Mohd Azlan Shah Zaidi. (2018). Kos sara hidup tinggi di Malaysia: Pertumbuhan pendapatan isi rumah yang perlahan atau taraf hidup yang meningkat. *Jurnal Ekonomi Malaysia*, 52(1), 177-133. <https://doi.org/10.17576/jem-2018-5201-14>.
- Muhammad Hassan Din Mohd Tarip et al. (2021). Impak pandemik Covid-19 terhadap golongan B40. *Journal of Social Sciences and Humanities*, 18(8), 54-65. <https://doi.org/10.0000/jssh.v18i8.2021>.
- Shahriman Haron. (2020). Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah M40 dan B40 Mengikut Negeri, Retrieved from https://www.dosm.gov.my/v1/uploads/files/6_Newsletter/Newsletter%202020/DOSM_BPHPP_3-2020_Siri_28.pdf.
- The Global Food Donation Food Atlas. (2021). Strengthening food donation operations during Covid-19: Key issues and best practices for governments around the globe. <https://doi.org/10.0000/gfda.v2021>.
- Zahraturrahmi et al. (2021). Analysis of the effect of the COVID-19 pandemic on the prices of basic food sold in traditional markets: The case of Jakarta Province, Indonesia. *HortiS*, 38(2), 116-124. <http://doi.org/10.16882/HortiS.1012446>.

Berita/Rencana Dalam Akhbar Elektronik

- Schimillen, A., Jasmin, A, F., & Abdur Rahman, A. (2020, 27 April). Defending livelihoods response Covid 19. *World Bank*. <https://blogs.worldbank.org/en/eastasiapacific/defending-livelihoods-response-covid-19>.
- Khairil Anwar Mohd Amin. (2020, 21 Mei). Bekalan makanan mencukupi. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/84489/BERITA/Nasional/Bekalan-makanan-mencukupi>.
- Dania Zainuddin. (2020, Januari 10). No more status quo after pandemic. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/no-more-statusquo-after-pandemic-jomo-236582>.
- Teks Ucapan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin: Pakej rangsangan ekonomi prihatin rakyat. (2020, 27 Mac). *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/03/669966/pakej-rangsangan-ekonomi-prihatin-rakyat>.
- Families edge low income families need continued support recover effects Covid-19. (2020, 19 August). *UNICEF Malaysia*. <https://www.unicef.org/malaysia/press-releases/families-edge-low-income-families-need-continued-support-recover-effects-covid>.
- Prof Madya Dr Faez Firdaus Jesse Abdullah. (2020, 7 April). Tindakan konsisten jamin bekalan makanan cukup. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/rencana/komentar/2020/04/673977/tindakan-konsisten-jamin-bekalan-makanan-cukup>.

- Dr Ahmad Hanis Izani Abdul Hadi. (2020, 28 Mac). Implikasi PKP terhadap keselamatan makanan negara. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2020/03/670204/implikasi-pkp-terhadap-keselamatan-makanan-negara>.
- Mohd Hafiz Ismail. (2020, 10 Ogos). Golongan B40 terima impak besar akibat Covid-19. *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/96034/BERITA/Nasional/Golongan-B40-terima-impak-besar-akibat-Covid-19>.
- World food prices continue to soar hitting nearly 7 years high. (2021, 8 April). *AlJazeera*. <https://www.aljazeera.com/economy/2021/April/8/world-food-prices-continue-to-soar-hitting-nearly-7-year-high/>.
- Cadman, E., Shanker, D., Patton, L., & Wells, C. (2021, 1 March). Food Prices Are Soaring Faster Than Inflation and Incomes. *Bloomberg*. <https://www.bloomberg.com/news/articles/2021-03-01/inflation-2021-malnutrition-and-hunger-fears-rise-as-food-prices-soar-globally>.
- Fakhrurazi Rashid. (2020, 8 April). Covid-19 refleksi ketidaksamarataan pekerjaan dan pendidikan isi rumah B40. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/covid19-refleksi-ketidaksamarataan-pekerjaan-dan-pendidikan-isi-rumah-b40-237417>.
- Annabelle Lee. (2021, 11 Mei). K'jaan mesti bantu keluarga miskin bandar ketika PKP 3.0-Ahli ekonomi. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/574317>.
- Jumlah kes malnutrisi, kebuluran dijangka makin serius. (2020, 25 Ogos). *Sinar Harian*. <https://www.sinarharian.com.my/article/98153/jumlah-kes-malnutrisi-kebuluran-dijangka-makin-serius>.
- Zanariah Abdul Mutalib. (2019, 23 Ogos). Nilai Semula Kadar Kemiskinan Negara- Pelapor Khas PBB. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/08/599191/nilai-semula-kadar-kemiskinan-negara-pelapor-khas-pbb>.
- Anwar Ibrahim. (2020, 11 Julai). Kemiskinan di Malaysia dan Kepimpinan Politik. *Malaysian Insight*. <https://www.themalaysianinsight.com>.
- Dr. Shahino Mah Abdullah. (2017, 6 Januari). Inovasi pertanian tingkat ekonomi rakyat negara. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/kolumnis/2017/01/231311/inovasi-pertanian-tingkat-ekonomi-rakyat-negara>.
- Amin Ridzuan Ishak. (2019, 7 Januari). Kaji selidik bantu kerajaan bentuk dasar masa depan. *Berita Harian*. <https://api.bharian.com.my/berita/nasional/2019/01/517056/kaji-selidik-bantu-kerajaan-bentuk-dasar-masa-depan>.
- Ida Lim. (2020, 24 Jun). Malaysia's food prices up nationwide for third month in a row, even as consumer prices fell 2.9pc y-o-y in May. *Malay Mail*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/06/24/malaysias-food-prices-up-nationwide-for-third-month-in-a-row-even-as-consum/1878422>.